

20/10/2000

Mesdaq, MIM anjur model perniagaan IT

BURSA Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (Mesdaq) dengan kerjasama McKinsey & Company Malaysia dan Institut Pengurusan Malaysia (MIM) menganjurkan Venture 2001, pertandingan untuk menghasilkan model perniagaan bagi meneroka pasaran industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Presiden Mesdaq, Abdullah Abdul Hamid, berkata Venture 2001 diwujudkan sebagai usaha memangkin persekitaran keusahawanan dengan mengumpul idea, bakat dan modal daripada mereka yang berminat menjadi usahawan ekonomi baru.

"Ini bagi membolehkan usahawan Malaysia dalam sektor ICT mengerah tenaga dan kepakaran menghasilkan model perniagaan yang diterima pakai bukan saja di negara ini malah antarabangsa," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur.

Pertandingan yang akan dilancarkan bulan depan itu akan diadakan dalam tiga peringkat dan berakhir pada Mei 2001, terbuka kepada usahawan, profesional dan pelajar di seluruh negara yang mahu merealisasikan idea niaga mereka.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah penaung Venture 2001 sementara lembaga penasihat terdiri daripada ketua pegawai eksekutif, usahawan Internet terkemuka dan para ahli akademik terkenal.

(END)